



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

SAMBUTAN 4 PERAYAAN: MEMPERKUKUH HARMONI DALAM KEPELBAGAIAN

PUTRAJAYA, 9 April – Kerajaan MADANI ingin merakamkan ucapan selamat menyambut empat perayaan besar yang akan disambut pada 13 dan 14 April ini iaitu **Vaisakhi** oleh masyarakat Sikh, **Songkran** oleh masyarakat Siam, **Tamil Puthandu** oleh masyarakat Tamil, dan **Vishu** oleh masyarakat Malayalam. Perayaan-perayaan ini bukan sekadar sebuah tradisi, tetapi adalah manifestasi kepada semangat perpaduan yang terpatri dalam kalangan rakyat Malaysia MADANI.

Vaisakhi yang disambut oleh komuniti Sikh adalah lambang permulaan musim menuai dan membawa mesej pembaharuan dalam kehidupan. **Songkran**, perayaan Tahun Baru masyarakat Siam, membawa makna mendalam tentang pembersihan jiwa serta memperingati nilai-nilai kesucian dalam budaya mereka. **Tamil Puthandu**, yang menjadi simbol permulaan tahun baru dalam kalendar Tamil, menyatukan komunitinya dengan harapan dan doa untuk kemakmuran. Manakala **Vishu**, yang disambut oleh masyarakat Malayalam, memberi sinar baru dalam kehidupan dan berkat melimpah ruah.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata “**kepelbagaian adalah aset Malaysia** dan aset ini mesti dipelihara dan diberi penghargaan dengan penuh rasa tanggungjawab. Di samping itu, **tanggungjawab kita adalah untuk mendidik generasi akan datang mengenai kepentingan memelihara kepelbagaian ini**. Pendidikan memainkan peranan yang sangat penting dalam memupuk rasa hormat dan kefahaman terhadap kepelbagaian. Anak-anak perlu dibesarkan dalam suasana yang menghargai setiap perbezaan, di mana mereka diajar untuk melihat kekayaan dalam kepelbagaian dan bukannya melihatnya sebagai sesuatu yang memisahkan kita”.

Setiap perayaan ini membawa satu mesej yang jelas – **Faham, Hormat, dan Terima**. Fahamilah bahawa setiap budaya yang ada memiliki sejarah yang kaya dan berharga. Hormatilah hak setiap individu untuk menyambut perayaan mereka dan terimalah bahawa dalam setiap perayaan, terdapat peluang untuk kita lebih mendalami, menghayati, dan mengukuhkan hubungan sesama kita, walaupun berlainan latar belakang.

Sebagaimana yang terkandung dalam cogan kata “**Bersekutu Bertambah Mutu**”, kita harus sentiasa bergerak maju sebagai sebuah negara bangsa yang bersatu dalam kepelbagaian. Dalam arus globalisasi yang semakin mencabar ini, apabila kita bersatu padu dalam semangat saling memahami dan menghormati, kita akan mencapai tahap kemajuan yang lebih tinggi, bukan sahaja dari segi ekonomi, tetapi juga dalam aspek sosial, budaya, dan moral. Malaysia, yang mengamalkan dasar perpaduan berteraskan kepelbagaian, tidak hanya dilihat sebagai contoh negara maju, tetapi juga sebagai simbol negara yang benar-benar memahami nilai kemanusiaan sejagat.

Marilah kita bersama-sama meraikan keindahan kepelbagaian, menghargai setiap budaya, dan terus membina negara yang lebih bersatu padu, harmoni, dan berjaya. Selamat menyambut **Vaisakhi, Songkran, Tamil Puthandu**, dan **Vishu** kepada seluruh rakyat Malaysia.

Kementerian Perpaduan Negara

9 April 2025

KPN.100-9/1/16 (23)